

25/07/2001

Guru agama akan diberi kursus khas

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Guru agama di seluruh negara akan diberi kursus khas bagi memastikan mereka menjalankan tugas berdasarkan ajaran Islam supaya gejala penyelewengan, termasuk pengaruh Black Metal tidak menular di kalangan murid.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mereka perlu diberi kesedaran kerana sesetengahnya bukan menyampaikan ajaran Islam yang sebenar, sebaliknya mengembangkan pengaruh politik parti lawan.

"Kita kena bagi kursus kepada guru, kita kena kumpul mereka semula dan menjelaskan kepada mereka mengenai salahnya perbuatan mereka. Berdosa mereka buat macam itu kerana mereka tidak amanah.

"Kita beri amanah kepada mereka untuk menyampaikan ajaran Islam yang sebenar, sebaliknya mereka mengabaikan tanggungjawab dan cuba mengembangkan politik parti lawan, untuk menentukan apabila pelajar ini membesar, akan menyertai parti lawan.

"Ini rancangan 30 tahun, bermula daripada Tadika. Sebab itu, Pas rajin mengadakan Tadika, bukan untuk mengajar agama, tetapi untuk mengajar penuntut daripada kanak-kanak supaya membenci kerajaan," katanya selepas majlis penyerahan kad pintar di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas tuduhan pemimpin Pas Kedah yang mendakwa ketiadaan sistem pendidikan Islam sempurna sebagai faktor remaja terbabit dalam kegiatan Black Metal.

Semalam, Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman mendakwa Pas sengaja memainkan isu Black Metal dengan menuduh kerajaan Barisan Nasional (BN) gagal menyediakan sistem pendidikan Islam yang sempurna.

Dr Mahathir menjelaskan, kerajaan memperkenalkan mata pelajaran agama bukan saja kerana mahu mengembangkan pengetahuan agama, malah supaya generasi muda faham mengenai agama mereka termasuk dari segi larangan dan kewajipannya.

"Malangnya, kita dapati ramai juga guru yang tidak peduli langsung mengenai pelajaran agama, sebaliknya menumpu kepada politik khususnya mengembangkan politik Pas, menimbulkan kebencian terhadap kerajaan, di kalangan pelajar.

"Dengan itu, penuntut sudah jadi keliru. Mereka tidak tahu apa yang dilarang oleh agama.

Apabila datang ajaran yang bertentangan dengan agama, mereka terbawa-bawa umpamanya dalam gerakan yang ada unsur Kristian," katanya.

Beliau berkata, dengan menggunakan perkataan anti-Crist dalam gerakan Black Metal, menyebabkan pelajar terpengaruh terutama jika mereka anti-Kristian yang sesuai dengan jiwa mereka.

"Saya dengar ada juga wanita yang pakai tudung, tetapi mengantungkan rantai yang ada salib, tapi salib terbalik. Jadi ini yang menyebabkan tuduhan kononnya ada usaha oleh orang Kristian untuk mengkristiankan budak-budak ini.

"Sebenarnya, mereka bukan hasil usaha orang Kristian, sebaliknya hasil pembawa ajaran sesat berkaitan dengan Islam sehingga mereka sanggup koyak al-Quran," katanya.

Dr Mahathir berkata, sekarang ini budak perempuan terbabit mengaku mencerca al-Quran.

Katanya, ini bermakna mereka tidak dapat pelajaran agama ketika di

sekolah dan dalam hal ini, siapa yang harus dipersalahkan.

"Jika tidak guru yang mengajar agama, bukan semua tapi ada ramai juga daripada mereka yang tidak peduli mengenai ajaran agama. Sebaliknya menumpukan kepada politik," katanya.

Beliau turut ditanya mengenai gesaan Ketua Pemuda DAP, Teng Chang Khim supaya Pengerusinya, Lim Kit Siang mengundur diri daripada barisan kepimpinan parti menjelang pemilihan pusat parti itu 18 Ogos ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata sikap bekas ketua pembangkang itu memang sudah diketahui dari dulu lagi yang sukar untuk melepaskan jawatan meskipun kerap kali menyatakan hasrat untuk berbuat demikian.

"Sejarah dia dalam DAP menunjukkan dia memang ada penyakit tidak mahu lepas jawatan. Dia kata lain, lain dia buat," katanya.

(END)